Direct Reporting NFFE: The term "Direct Reporting NFFE" means a NFFE that elects to report information about its direct or indirect substantial U.S. owners to the IRS, has a Global Intermediary Identification Number (GIIN) and meets certain requirements as defined in U.S. Treasury Regulation section 1.1472-1(c)(3). / ***NFFE Pelaporan Langsung:*** *Istilah "NFFE Pelaporan Langsung" bermaksud NFFE yang memilih untuk melaporkan maklumat tentang pemilik pegangan besar AS secara langsung atau tidak langsung kepada IRS, mempunyai Nombor Pengenalan Perantara Global (GIIN) dan memenuhi keperluan tertentu seperti yang ditakrifkan dalam Peraturan Perbendaharaan A.S. seksyen 1.1472-1(c)(3).*

Passive NFFE: The term "Passive NFFE" means an NFFE that is not an "Active NFFE." / ***NFFE Pasif:*** *Istilah "NFFE Pasif" bermaksud NFFE yang bukan "NFFE Aktif."*

Non-participating Foreign Financial Institution: The term "Nonparticipating FFI" or "Nonparticipating FI" means an FFI other than a Participating FFI (PFFI), a Reporting Model 1 IGA FFI, a Reporting Model 2 IGA FFI, a Deemed-compliant FFI, an Exempt Beneficial Owner, a nonreporting partner jurisdiction FI. / ***Institusi Kewangan Asing Tidak Turut Serta:*** Istilah "FFI Tidak Turut Serta" atau "FI Tidak Turut Serta" bermaksud FFI selain daripada FFI Turut Serta (PFFI), FFI IGA Model Pelaporan 1, FFI IGA Model Pelaporan 2, FFI Dianggap Patuh, Pemilik Benefisial Dikecualikan, FI bidang kuasa rakan kerjasama yang tidak melaporkan.

Related Entity: The term "Related Entity" mean an Entity is related to another Entity if either Entity controls the other Entity, or the two Entities are under common control. For this purpose, control includes direct or indirect ownership of more than 50 percent of the vote or value in an Entity. Notwithstanding the foregoing, either Party may treat an Entity as not a related entity if the two Entities are not members of the same affiliated group, as defined in Section 1471(e)(2) of the U.S. Internal Revenue Code. / ***Entiti Berkaitan:*** *Istilah "Entiti Berkaitan" bermaksud Entiti yang berkaitan dengan Entiti lain jika salah satu Entiti mengawal Entiti lain, atau kedua-dua Entiti berada di bawah kawalan bersama. Untuk tujuan ini, kawalan termasuk pemilikan langsung atau tidak langsung lebih daripada 50 peratus undi atau nilai dalam Entiti. Walau apa pun yang dinyatakan di atas, mana-mana Pihak boleh menganggap Entiti sebagai bukan entiti berkaitan jika kedua-dua Entiti bukan ahli kumpulan gabungan yang sama, seperti yang ditakrifkan dalam Seksyen 1471 (e) (2) Kod Hasil Dalam Negeri A.S.*

Reporting Model 1 FFI and Reporting Model 2 FFI: The terms "Reporting Model 1 FFI" and "Reporting Model 2 FFI" mean a Financial Institution with respect to which a non-U.S. government or agency thereof agrees to obtain and exchange information pursuant to a Model 1 or Model 2 IGA, other than a Financial Institution treated as a Nonparticipating Financial Institution under the Model 1 or Model 2 IGA. For purposes of this definition, the terms Model 1 IGA and Model 2 IGA mean an arrangement between the United States or the Treasury Department and a non-U.S. government or one or more agencies thereof to implement U.S. FATCA through reporting by Financial Institutions to (i) such non-U.S. government or agency thereof, followed by automatic exchange of such reported information with the IRS (Model 1); or (ii) the Internal Revenue Service (Model 2). / ***FFI Model Pelaporan 1 dan FFI Pelaporan Model 2:*** *Istilah " FFI Pelaporan Model 1" dan " FFI Pelaporan Model 2" bermaksud Institusi Kewangan yang mana kerajaan atau agensi bukan A.S. bersetuju untuk mendapatkan dan bertukar maklumat berasaskan IGA Model 1 atau Model 2, selain daripada Institusi Kewangan yang dianggap sebagai Institusi Kewangan Tidak Turut Serta di bawah IGA Model 1 atau Model 2. Untuk tujuan definisi ini, istilah IGA Model 1 dan IGA Model 2 bermaksud pengaturan antara Amerika Syarikat atau Jabatan Perbendaharaan dan kerajaan bukan A.S. atau satu atau lebih daripada agensinya untuk melaksanakan FATCA AS melalui pelaporan oleh Institusi Kewangan kepada (i) kerajaan atau agensi bukan AS kerajaan tersebut, diikuti dengan pertukaran automatik maklumat yang dilaporkan dengan IRS (Model 1); atau (ii) Perkhidmatan Hasil Dalam Negeri (Model 2).*

Specified Person: The term "Specified Person" means a Specified U.S. Person. / ***Orang Terkhusus:*** *Istilah "Orang Terkhusus" bermaksud Orang A.S. Terkhusus.*

Specified Insurance Company: The term "Specified Insurance Company" means any Entity that is an insurance company (or the holding company of an insurance company) that issues, or is obligated to make payments with respect to, a Cash Value Insurance Contract or an Annuity Contract. / ***Syarikat Insurans Terkhusus:*** *Istilah "Syarikat Insurans Terkhusus" bermaksud mana-mana Entiti yang merupakan syarikat insurans (atau syarikat induk bagi syarikat insurans) yang mengeluarkan, atau diwajibkan untuk membuat pembayaran berhubung dengan Kontrak Insurans Nilai Tunai atau Kontrak Anuiti.*

Specified U.S. Person: The term "Specified U.S. Person" means a U.S. Person, other than: (i) a corporation the stock of which is regularly traded on one or more established securities markets; (ii) any corporation that is a member of the same expanded affiliated group, as defined in section 1471(e) (2) of the U.S. Internal Revenue Code, as a corporation described in clause (i); (iii) the United States or any wholly owned agency or instrumentality thereof; (iv) any State of the United States, any U.S. Territory, any political subdivision of any of the foregoing, or any wholly owned agency or instrumentality of any one or more of the foregoing; (v) any organisation exempt from taxation under section 501(a) of the U.S. Internal Revenue Code or an Individual retirement plan as defined in section 7701(a)(37) of the U.S. Internal Revenue Code; (vi) any bank as defined in section 581 of the U.S. Internal Revenue Code; (vii) any real estate investment trust as defined in section 856 of the U.S. Internal Revenue Code; (viii) any regulated investment company as defined in section 851 of the U.S. Internal Revenue Code or any entity registered with the U.S. Securities and Exchange Commission under the Investment Company Act of 1940 (15 U.S.C. 80a-64); (ix) any common trust fund as defined in section 584(a) of the U.S. Internal Revenue Code; any trust that is exempt from tax under section 664(c) of the U.S. Internal Revenue Code or that is described in section 4947(a)(1) of the U.S. Internal Revenue Code; (xi) a dealer in securities, commodities, or derivative financial instruments (including notional principal contracts, futures, forwards, and options) that is registered as such under the laws of the United States or any State; (xii) a broker as defined in section 6045(c) of the U.S. Internal Revenue Code or (xiii) any tax-exempt trust under a plan that is described in section 403(b) or section 457(g) of the U.S. Internal Revenue Code. / ***Orang A.S. Terkhusus:*** *Istilah "Orang A.S. Terkhusus" bermaksud Orang A.S., selain daripada: (i) sebuah syarikat yang sahamnya diperdagangkan secara tetap di satu atau lebih pasaran sekuriti diiktiraf; (ii) mana-mana syarikat yang merupakan ahli kumpulan gabungan sama yang lebih luas, seperti yang ditakrifkan dalam seksyen 1471 (e) (2) Kod Hasil Dalam Negeri AS, sebagai syarikat yang dinyatakan dalam fasal (i); (iii) Amerika Syarikat atau mana-mana agensi atau instrumen milik penuhnya; (iv) mana-mana Negeri Amerika Syarikat, mana-mana Wilayah A.S., mana-mana cabang politik bagi mana-mana yang disebutkan di atas, atau mana-mana agensi atau instrumen milik penuh mana-mana satu atau lebih daripada yang disebutkan di atas; (v) mana-mana organisasi yang dikecualikan daripada cukai di bawah seksyen 501 (a) Kod Hasil Dalam Negeri A.S. atau pelan persaraan Individu seperti yang ditakrifkan dalam seksyen 7701 (a) (37) Kod Hasil Dalam Negeri A.S.; (vi) mana-mana bank seperti yang ditakrifkan dalam seksyen 581 Kod Hasil Dalam Negeri A.S.; (vii) mana-mana amanah pelaburan hartanah seperti yang ditakrifkan dalam seksyen 856 Kod Hasil Dalam Negeri A.S.; (viii) mana-mana syarikat pelaburan yang dikawal selia seperti yang ditakrifkan dalam seksyen 851 Kod Hasil Dalam Negeri A.S. atau mana-mana entiti yang berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa AS di bawah Akta Syarikat Pelaburan 1940 (15 USC 80a-64); (ix) mana-mana dana amanah umum seperti yang ditakrifkan dalam seksyen 584 (a) Kod Hasil Dalam Negeri A.S.; mana-mana amanah yang dikecualikan cukai di bawah seksyen 664 (c) Kod Hasil Dalam Negeri A.S. atau yang dinyatakan dalam seksyen 4947 (a) (1) Kod Hasil Dalam Negeri AS; (xi) wakil penjual sekuriti, komoditi atau instrumen kewangan derivatif (termasuk kontrak prinsipal tanggapan, niaga hadapan, hadapan dan opsyen) yang didaftarkan sedemikian di bawah undang-undang Amerika Syarikat atau mana-mana Negeri; (xii) broker seperti yang ditakrifkan dalam seksyen 6045(c) Kod Hasil Dalam Negeri A.S. atau (xiii) mana-mana amanah yang dikecualikan cukai di bawah pelan yang diterangkan dalam seksyen 403(b) atau seksyen 457(g) Kod Hasil Dalam Negeri A.S.*

U.S. Person: The term "U.S. Person" means (1) A natural person that is a citizen of the United States (a person that is born in the U.S. or whose parent is a U.S. citizen, a person that has been naturalised as a U.S. citizen, or a person born in Puerto Rico, Guam or the U.S. Virgin Islands) , a Lawful Permanent Resident (green card holder) of the U.S., or a person deemed a tax resident of the U.S. (either physically present in the U.S. for 31 days during the current year along with having been physically present in the U.S. for at least 183 days over a three-year period that includes the current year or as otherwise defined in an applicable U.S. income tax treaty) ; (2) any corporation, partnership or other business entity created or organised under the laws of the United States or any political subdivision thereof; or any trust governed by U.S. law, including a foreign trust if a court within the US is able to exercise primary supervision over the administration of the trust, and one or more US persons have the authority to control all substantial decisions of the trust; and (3) any other person determined to be a U.S. Person in accordance with the U.S. Internal Revenue Code and applicable U.S. Treasury Regulations. / ***Orang A.S.:*** *Istilah "Orang A.S." bermaksud (1) orang sebenar yang merupakan warganegara Amerika Syarikat (seorang yang dilahirkan di A.S. atau yang ibu bapanya merupakan warganegara A.S., seseorang yang telah dinaturalisasikan sebagai warganegara A.S., atau seseorang yang dilahirkan di Puerto Rico, Guam atau Kepulauan Virgin A.S.), Pemastautin Tetap Sah (pemegang kad hijau) A.S., atau seseorang yang dianggap sebagai pemastautin cukai A.S. (sama ada berada secara fizikal di A.S. selama 31 hari pada tahun semasa di samping telah berada secara fizikal di A.S. selama sekurang-kurangnya 183 hari dalam tempoh tiga tahun, yang termasuk tahun semasa atau seperti yang ditakrifkan dalam perjanjian cukai pendapatan A.S. yang berkenaan); (2) mana-mana perbadanan, perkongsian atau entiti perniagaan lain yang dicipta atau ditubuhkan di bawah undang-undang Amerika Syarikat atau mana-mana cabang politiknya; atau mana-mana amanah yang ditadbir di bawah undang-undang A.S., termasuk amanah asing jika mahkamah di dalam AS mempunyai kuasa pengawalseliaan utama ke atas pentadbiran amanah, dan satu atau lebih orang AS mempunyai kuasa untuk mengawal semua keputusan penting amanah; dan (3) mana-mana orang lain yang ditentukan sebagai Orang A.S. menurut Kod Hasil Dalam Negeri A.S. dan Peraturan Perbendaharaan A.S. yang berkenaan.*

APPENDIX 2: DEFINITIONS - OECD CRS / *LAMPIRAN 2: DEFINISI – CRS OECD*

PLEASE NOTE: / ***SILA AMBIL PERHATIAN:***

Below are select definitions of terms used in this Self-Certification. They are provided to assist you with the completion of this form. They are provided for general information purposes only. For additional information, as well as for terms not defined below, please refer to Malaysia OECD legislation and country specific guidance and as applicable the OCED CRS and commentary or http://www.oecd.org/tax/automatic-exchange/. If you have any questions about the meaning and application of these terms, you should contact your tax advisor. / ***Definisi bagi istilah tertentu yang digunakan dalam Pengesahan Diri ini diberikan di bawah. Definisi ini disediakan untuk membantu anda melengkapkan borang ini dan untuk tujuan maklumat am sahaja. Untuk maklumat tambahan, serta istilah yang tidak ditakrifkan di bawah, sila rujuk undang-undang OECD Malaysia dan panduan khusus negara dan CRS OECD yang berkenaan dan ulasannya atau http://www.oecd.org/tax/automatic-exchange. Jika anda mempunyai apa-apa soalan tentang maksud dan penggunaan istilah ini, anda hendaklah menghubungi penasihat cukai anda.***

Account Holder: The "Account Holder" means the Entity named on Line 1 of this form that is the holder of the Financial Account maintained or to be maintained by Sun Life Malaysia. The Account Holder is without regard to whether it is a flow through entity. A person, other than a Financial Institution, holding a Financial Account for the benefit of another person as agent, custodian, nominee, signatory, investment advisor, or intermediary, is not treated as holding the account for purposes of the OECD CRS, but such other person is treated as holding the account. For example, in the case of a parent/child relationship where the parent is acting as a legal guardian, the child is regarded as the Account Holder. With respect to a jointly held account, each joint holder is treated as an Account Holder. In the case of a Cash Value Insurance Contract or an Annuity Contract, the Account Holder is any person entitled to access the Cash Value or change the beneficiary of the contract. If no person can access the Cash Value or change the beneficiary, the Account Holder is any person named as the owner in the contract and any person with a vested entitlement to payment under the terms of the contract. Upon the maturity of a Cash Value Insurance Contract or an Annuity Contract, each person entitled to receive a payment under the contract is treated as an Account Holder. / ***Pemegang Akaun:*** *Istilah "Pemegang Akaun" bermaksud Entiti yang dinamakan dalam Baris 1 borang ini yang merupakan pemegang Akaun Kewangan yang disenggarakan atau akan disenggarakan oleh Sun Life Malaysia. Pemegang Akaun tidak mengambil kira sama ada ia merupakan entiti aliran terus). Seseorang, selain daripada Institusi Kewangan, yang memegang akaun kewangan demi manfaat orang lain sebagai ejen, penjaga, penama, penandatangan, penasihat pelaburan, atau perantara tidak dianggap sebagai memegang akaun untuk tujuan CRS OECD, tetapi orang lain tersebut akan dianggap sebagai pemegang akaun. Sebagai contoh, dalam kes hubungan ibu bapa/anak di mana ibu bapa bertindak sebagai penjaga yang sah, anak itu dianggap sebagai Pemegang Akaun. Bagi akaun yang dipegang secara bersama, setiap pemegang bersama dianggap sebagai Pemegang Akaun. Dalam kes Kontrak Insurans Nilai Tunai atau Kontrak Anuiti, Pemegang Akaun adalah mana-mana orang yang berhak mendapatkan Nilai Tunai atau menukar benefisiari kontrak. Jika tiada orang boleh mendapatkan Nilai Tunai atau menukar benefisiari, Pemegang Akaun adalah mana-mana orang yang dinamakan sebagai pemilik dalam kontrak dan mana-mana orang yang berhak untuk menerima bayaran di bawah terma kontrak. Apabila Kontrak Insurans Nilai Tunai atau Kontrak Anuiti matang, setiap orang yang berhak menerima bayaran di bawah kontrak dianggap sebagai Pemegang Akaun.*

Active NFE: The term "Active NFE" means any NFE that meets any of the following criteria: / ***NFE Aktif:*** *Istilah "NFE Aktif" bermaksud mana-mana NFE yang memenuhi mana-mana kriteria berikut:*

a. less than 50% of the NFE's gross income for the preceding calendar year or other appropriate reporting period is passive income and less than 50% of the assets held by the NFE during the preceding calendar year or other appropriate reporting period are assets that produce or are held for the production of passive income; / *Kurang daripada 50 peratus pendapatan kasar NFFE untuk tahun kalendar sebelumnya atau tempoh pelaporan lain yang sewajarnya merupakan pendapatan pasif dan kurang daripada 50 peratus aset yang dipegang oleh NFFE dalam tahun kalendar sebelumnya atau tempoh pelaporan lain yang sewajarnya merupakan aset yang menghasilkan atau dipegang untuk menghasilkan pendapatan pasif;;*

b. the stock of the NFE is regularly traded on an established securities market or the NFE is a Related Entity of an Entity the stock of which is regularly traded on an established securities market; / *Saham NFE diperdagangkan secara tetap di pasaran sekuriti diiktiraf atau NFE ialah Entiti Berkaitan bagi Entiti yang sahamnya diperdagangkan secara tetap di pasaran sekuriti diiktiraf;*

c. the NFE is a Governmental Entity, an International Organisation, a Central Bank, or an Entity wholly owned by one or more of the foregoing; / *NFE ialah Entiti Kerajaan, Organisasi Antarabangsa, Bank Pusat, atau Entiti yang dimiliki sepenuhnya oleh satu atau lebih daripada yang di atas;*

d. substantially all of the activities of the NFE consist of holding (in whole or in part) the outstanding stock of, or providing financing and services to, one or more subsidiaries that engage in trades or businesses other than the business of a Financial Institution, except that an Entity does not qualify for this status if the Entity functions (or holds itself out) as an investment fund, such as a private equity fund, venture capital fund, leveraged buyout fund, or any investment vehicle whose purpose is to acquire or fund companies and then hold interests in those companies as capital assets for investment purposes; / *Hampir kesemua aktiviti NFE melibatkan pegangan (secara keseluruhan atau sebahagian) saham dalam edaran, atau menyediakan pembiayaan dan perkhidmatan kepada, satu atau lebih anak syarikat yang terlibat dalam perdagangan atau perniagaan selain daripada perniagaan Institusi Kewangan, melainkan NFE tidak layak untuk status ini jika NFE berfungsi (atau menganggap dirinya) sebagai dana pelaburan, seperti dana ekuiti persendirian, dana modal teroka, dana pembelian leveraj, atau mana-mana entiti pelaburan yang tujuannya adalah untuk memperolehi atau membiayai syarikat dan kemudian memegang kepentingan dalam syarikat tersebut sebagai aset modal untuk tujuan pelaburan;*

e. the NFE is not yet operating a business and has no prior operating history, (a "start-up NFE") but is investing capital into assets with the intent to operate a business other than that of a Financial Institution, provided that the NFE does not qualify for this exception after the date that is 24 months after the date of the initial organisation of the NFE; / *NFE belum lagi menjalankan perniagaan dan tidak mempunyai sejarah operasi terdahulu (sebuah "NFE Pemula"), tetapi melaburkan modal ke dalam aset dengan niat untuk mengendalikan perniagaan selain daripada Institusi Kewangan, dengan syarat NFE tidak layak untuk pengecualian ini selepas tempoh 24 bulan dari tarikh penubuhan asal NFFE;*

f. the NFE was not a Financial Institution in the past five years, and is in the process of liquidating its assets or is reorganising with the intent to continue or recommence operations in a business other than that of a Financial Institution; / *NFE bukan Institusi Kewangan dalam tempoh lima tahun yang lepas, dan sedang dalam proses melupuskan asetnya atau sedang menyusun semula dengan niat untuk meneruskan atau memulakan semula operasi perniagaan selain daripada Institusi Kewangan;*

g. the NFE primarily engages in financing and hedging transactions with, or for, Related Entities that are not Financial Institutions, and does not provide financing or hedging services to any Entity that is not a Related Entity, provided that the group of any such Related Entities is primarily engaged in a business other than that of a Financial Institution; or / *NFE terlibat terutamanya dalam transaksi pembiayaan dan lindung nilai dengan atau untuk, Entiti Berkaitan yang bukan Institusi Kewangan, dan tidak menyediakan perkhidmatan pembiayaan atau lindung nilai kepada mana-mana Entiti yang bukan Entiti Berkaitan, dengan syarat kumpulan mana-mana Entiti Berkaitan tersebut terlibat terutamanya dalam perniagaan selain daripada Institusi Kewangan; atau*

h. the NFE meets all of the following requirements (a "non-profit NFE"): / *NFE memenuhi semua keperluan berikut (sebuah "NFE bukan keuntungan"):*

   (i) it is established and operated in its jurisdiction of residence exclusively for religious, charitable, scientific, artistic, cultural, athletic, or educational purposes; or it is established and operated in its jurisdiction of residence and it is a professional organisation, business league, chamber of commerce, labour organisation, agricultural or horticultural organisation, civic league or an organisation operated exclusively for the promotion of social welfare; / *ia ditubuhkan dan dikendalikan dalam bidang kuasa mastautinnya secara eksklusif untuk tujuan keagamaan, amal, saintifik, seni, budaya, olahraga, atau pendidikan; atau ia ditubuhkan dan dikendalikan dalam bidang kuasa mastautinnya dan merupakan organisasi profesional, liga perniagaan, dewan perniagaan, pertubuhan buruh, pertubuhan pertanian atau hortikultur, liga sivik atau organisasi yang dikendalikan secara eksklusif untuk mempromosikan kebajikan sosial;*

   (ii) it is exempt from income tax in its jurisdiction of residence; / *ia dikecualikan daripada cukai pendapatan dalam bidang kuasa mastautinnya;*

   (iii) it has no shareholders or members who have a proprietary or beneficial interest in its income or assets; / *ia tidak mempunyai pemegang saham atau ahli yang mempunyai kepentingan hak milik atau kepentingan benefisial dalam pendapatan atau asetnya;*

   (iv) the applicable laws of the NFE's jurisdiction of residence or the NFE's formation documents do not permit any income or assets of the NFE to be distributed to, or applied for the benefit of, a private person or non-charitable Entity other than pursuant to the conduct of the NFE's charitable activities, or as payment of reasonable compensation for services rendered, or as payment representing the fair market value of property which the NFE has purchased; and / *undang-undang yang berkenaan dalam bidang kuasa mastautin NFE atau dokumen pembentukan NFE tidak membenarkan apa-apa pendapatan atau aset NFE diagihkan kepada, atau digunakan demi manfaat orang persendirian atau entiti bukan amal selain daripada menurut pengendalian aktiviti amal FFE, atau sebagai pembayaran pampasan yang munasabah untuk perkhidmatan yang diberikan, atau sebagai bayaran yang mewakili nilai pasaran saksama harta yang telah dibeli oleh NFE; dan*

   (v) the applicable laws of the NFE's jurisdiction of residence or the NFE's formation documents require that, upon the NFE's liquidation or dissolution, all of its assets be distributed to a Governmental Entity or other non-profit organisation, or escheat to the government of the NFE's jurisdiction of residence or any political

subdivision. / *undang-undang yang berkenaan dalam bidang kuasa mastautin NFE atau dokumen pembentukan NFE menetapkan syarat bahawa, selepas pembubaran atau penutupan NFE, semua asetnya diagihkan kepada Entiti Kerajaan atau organisasi bukan keuntungan lain, atau dilepaskan kepada kerajaan bidang kuasa mastautin NFE atau mana-mana subbahagian politiknya.*

Note: Certain entities (such as U.S. Territory NFFEs) may qualify for Active NFFE status under U.S. FATCA but not Active NFE status under the OECD CRS. / ***Perhatian: Entiti tertentu (seperti NFFE Wilayah A.S.) mungkin layak untuk status NFFE Aktif di bawah FATCA A.S. tetapi bukan status NFE Aktif di bawah CRS OECD.***

Citizenship or Residence by Investment (CBI/RBI): Citizenship by Investment" (CBI) and "Residence by Investment" (RBI) schemes are being offered by a substantial number of jurisdictions and allow foreign individuals to obtain citizenship or temporary or permanent residence rights on the basis of local investments or against a flat fee / ***Kewarganegaraan atau Mastautin melalui Pelaburan Pelaburan (CBI/RBI):*** *Skim "Kewarganegaraan Mastautin melalui Pelaburan" dan "Mastautin melalui Pelaburan Pelaburan" ditawarkan oleh sebilangan besar bidang kuasa dan membenarkan individu asing untuk mendapatkan kewarganegaraan atau hak pemastautin sementara atau tetap berdasarkan pelaburan tempatan atau dengan membayar yuran tetap.*

Control: The term "Control" means the natural person(s) who ultimately has a controlling ownership interest (typically on the basis of a certain percentage (e.g. 25%)) in the entity. Where no natural person(s) exercises control through ownership interests, the Controlling Person(s) of the entity will be the natural person(s) who exercises control of the entity through other means. Where no natural person(s) is/are identified as exercising control of the entity (for example where no underlying person has control of greater than 25% of the entity) then generally the Controlling Person is deemed to be the natural person who holds the position of senior managing official. / ***Kawalan:*** *Istilah "Kawalan" bermaksud orang sebenar yang akhirnya mempunyai kepentingan pemilikan kawalan (biasanya berdasarkan peratusan tertentu (cth 25%)) dalam entiti. Sekiranya tiada orang sebenar mempunyai kawalan melalui kepentingan pemilikan, Orang yang Mengawal entiti adalah orang sebenar yang mempunyai kawalan ke atas entiti melalui cara lain. Jika tiada orang sebenar yang dikenal pasti sebagai mempunyai kawalan ke atas entiti (contohnya di mana tiada orang hakiki yang mempunyai kawalan lebih 25% daripada entiti) maka pada amnya Orang yang Mengawal dianggap sebagai orang sebenar yang memegang jawatan pegawai pengurusan kanan.*

Controlling Person: The term "Controlling Persons" means the natural persons who exercise control over an Entity. In the case of a trust, such term means the settlor(s), the trustee(s), the protector(s) (if any), the beneficiary(ies) or class(es) of beneficiaries, and any other natural person(s) exercising ultimate effective control over the trust, and in the case of a legal arrangement other than a trust, such term means persons in equivalent or similar positions. The term "Controlling Persons" must be interpreted in a manner consistent with the Financial Action Task Force Recommendations.. / ***Orang yang Mengawal:*** *Istilah "Orang yang Mengawal" bermaksud orang sebenar yang mempunyai kawalan ke atas Entiti. Dalam hal amanah, istilah tersebut bermaksud penyelesai, pemegang amanah, pelindung (jika ada), benefisiari atau kelas benefisiari, dan mana-mana orang sebenar lain yang mempunyai kawalan efektif muktamad ke atas amanah, dan dalam hal aturan undang-undang selain daripada amanah, istilah tersebut bermaksud orang dalam kedudukan yang setara atau serupa. Istilah "Orang yang Mengawal" hendaklah ditafsirkan dengan cara yang konsisten dengan Cadangan Pasukan Petugas Tindakan Kewangan.*

CRS or OECD CRS: The term "OECD CRS" means the Organisation for Economic Co-operation and Development Common Reporting Standard. / ***CRS atau CRS OECD:*** *Istilah "CRS OECD" bermaksud Standard Pelaporan Bersama Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi.*

Custodial Institution: The term "Custodial Institution" means any Entity that holds, as a substantial portion of its business, Financial Assets for the account of others. This is where the Entity's gross income attributable to the holding of Financial Assets and related financial services equals or exceeds 20% of the Entity's gross income during the shorter of: (i) the three-year period that ends on 31 December (or the final day of a non-calendar year accounting period) prior to the year in which the determination is being made; or (ii) the period during which the Entity has been in existence. / ***Institusi Penjaga:*** *Istilah "Institusi Penjaga" bermaksud mana-mana Entiti yang memegang, sebagai sebahagian besar daripada perniagaannya, Aset Kewangan untuk akaun orang lain. Ini bermakna pendapatan kasar Entiti yang boleh dikaitkan dengan pegangan Aset Kewangan dan perkhidmatan kewangan yang berkaitan adalah bersamaan atau melebihi 20% daripada pendapatan kasar Entiti dalam tempoh di bawah, yang mana lebih singkat: (i) tempoh tiga tahun yang berakhir pada 31 Disember (atau hari akhir tempoh perakaunan tahun bukan kalendar) sebelum tahun penentuan dibuat; atau (ii) tempoh sepanjang kewujudan Entiti.*

Depository Institution: The term "Depository Institution" means any Entity that accepts deposits in the ordinary course of a banking or similar business. / ***Institusi Depositori:*** *Istilah "Institusi Depositori" bermaksud mana-mana Entiti yang menerima deposit dalam urusan biasa perniagaan perbankan atau perniagaan yang serupa.*

FATCA or U.S. FATCA: The term "U.S. FATCA" means the Foreign Account Tax Compliance Act provisions, which was enacted as part of the Hiring Incentives to Restore Employment (HIRE) Act on March 18, 2010. / ***FATCA atau FATCA A.S.:*** *Istilah " FATCA A.S. " bermaksud peruntukan Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing, yang telah digubal sebagai sebahagian daripada Akta Insentif Pengambilan Pekerja untuk Memulihkan Pekerjaan (HIRE) pada 18 Mac 2010.*

Entity: The term "Entity" means a legal person or a legal arrangement, such as a corporation, organisation, partnership, trust or foundation. This term covers any person other than an Individual (i.e. a natural person). / ***Entiti:*** *Istilah "Entiti" bermaksud orang sah di sisi undang-undang atau aturan undang-undang, seperti perbadanan, amanah, perkongsian, persatuan atau organisasi lain. Istilah ini meliputi mana-mana orang selain daripada Individu (iaitu orang sebenar).*

Financial Institution: The term "Financial Institution" means a "Custodial Institution," a "Depository Institution," an "Investment Entity," or a "Specified Insurance Company." Please see the relevant country specific guidance and the OECD CRS for further classification definitions that apply to Financial Institutions. / ***Institusi Kewangan (FI):*** *Istilah "Institusi Kewangan" bermaksud "Institusi Penjaga", "Institusi Depositori," "Entiti Pelaburan" atau "Syarikat Insurans Terkhusus." Sila lihat panduan khusus negara yang berkaitan dan CRS OECD untuk klasifikasi lanjut definisi yang berkenaan bagi Institusi Kewangan.*

Investment Entity: The term "Investment Entity" includes two types of Entities: / ***Entiti Pelaburan:*** *Istilah "Entiti Pelaburan" termasuk dua jenis Entiti:*

a. An Entity that primarily conducts as a business one or more of the following activities or operations for or on behalf of a customer: / *Entiti yang terutamanya menjalankan salah satu atau lebih daripada aktiviti atau operasi berikut sebagai perniagaan untuk atau bagi pihak pelanggan:*
   (i) Trading in money market instruments (cheques, bills, certificates of deposit, derivatives, etc.); foreign exchange; exchange, interest rate and index instruments; transferable securities; or commodity futures trading; / *Berdagang dalam instrumen pasaran wang (cek, bil, sijil deposit, derivatif, dll.); pertukaran asing; instrumen pertukaran, kadar faedah dan indeks; sekuriti yang boleh dipindah milik; atau perniagaan niaga hadapan komoditi;*
   (ii) Individual and collective portfolio management; or / *Pengurusan portfolio individu dan bersama; atau*
   (iii) Otherwise investing, administering, or managing Financial Assets, money or Relevant Crypto-Assets on behalf of other persons. / *Selainnya melabur, mentadbir, atau mengurus Aset Kewangan, wang atau Aset Kripto Berkaitan bagi pihak orang lain.*

b. The second type of "Investment Entity" ("Investment Entity managed by another Financial Institution") is any Entity the gross income of which is primarily attributable to investing, reinvesting, or trading in Financial Assets or Relevant Crypto-Assets, where the Entity is managed by another Entity that is a Depository Institution, a Custodial Institution, a Specified Insurance Company, or the first type of Investment Entity. / *Jenis "Entiti Pelaburan" kedua ("Entiti Pelaburan yang diuruskan oleh Institusi Kewangan lain") adalah mana-mana Entiti yang pendapatan kasarnya adalah terutamanya daripada pelaburan, pelaburan semula, atau perdagangan dalam Aset Kewangan atau Aset Kripto Berkaitan, di mana Entiti diuruskan oleh Entiti lain yang merupakan Institusi Depositori, Institusi Penjaga, Syarikat Insurans Terkhusus, atau jenis Entiti Pelaburan pertama.*

Investment Entity located in a Non-Participating Jurisdiction and managed by another Financial Institution: The term "Investment Entity located in a Non-Participating Jurisdiction and managed by another Financial Institution" means any Entity the gross income of which is primarily attributable to investing, reinvesting, or trading in Financial Assets or Relevant Crypto-Assets, if the Entity is (i) managed by a Financial Institution and (ii) not a Participating Jurisdiction Financial Institution. / ***Entiti Pelaburan yang terletak di Bidang Kuasa Tidak Turut Serta dan diuruskan oleh Institusi Kewangan lain:*** *Istilah "Entiti Pelaburan yang terletak di Bidang Kuasa Tidak Turut Serta dan diuruskan oleh Institusi Kewangan lain" bermaksud mana-mana Entiti yang pendapatan kasarnya adalah terutamanya daripada pelaburan, pelaburan semula, atau perdagangan dalam Aset Kewangan atau Aset Kripto Berkenaan, jika Entiti (i) diuruskan oleh Institusi Kewangan dan (ii) bukan Institusi Kewangan Bidang Kuasa Turut Serta.*

Investment Entity managed by another Financial Institution: An Entity is managed by another Entity if the managing Entity performs, either directly or through another service provider on behalf of the managed Entity, any of the activities or operations described in clause (i) above in the definition of 'Investment Entity. An Entity only manages another Entity if it has discretionary authority to manage the other Entity's assets (either in whole or part). Where an Entity is managed by a mix of Financial Institutions, NFEs or Individuals, the Entity is considered to be managed by another Entity that is a Depository Institution, a Custodial Institution, a Specified Insurance Company, or the first type of Investment Entity, if any of the managing Entities is such another Entity. / ***Entiti Pelaburan yang diuruskan oleh Institusi Kewangan lain:*** *Sebuah entiti diuruskan oleh Entiti lain jika Entiti yang menguruskan melaksanakan, sama ada secara langsung atau melalui penyedia perkhidmatan lain bagi pihak Entiti yang diuruskan, mana-mana aktiviti atau operasi yang diterangkan dalam fasal (i) di atas dalam definisi 'Entiti Pelaburan'. Sebuah Entiti hanya menguruskan Entiti lain jika ia*

mempunyai kuasa budi bicara untuk menguruskan aset Entiti lain (sama ada secara keseluruhan atau sebahagian). Apabila Entiti diuruskan oleh gabungan Institusi Kewangan, NFE atau Individu, Entiti dianggap diuruskan oleh Entiti lain yang merupakan Institusi Depositori, Institusi Penjaga, Syarikat Insurans Terkhusus, atau jenis Entiti Pelaburan pertama, jika mana-mana Entiti yang menguruskan merupakan Entiti lain tersebut.

NFE: An "NFE" means nonfinancial entity. An NFE is any Entity that is not a Financial Institution. An NFE is either an Active NFE or a Passive NFE. / ***NFE:*** *"NFE" bermaksud entiti bukan kewangan. NFE adalah mana-mana Entiti yang bukan Institusi Kewangan. NFE ialah NFE Aktif atau NFE Pasif.*

Non-Reporting Financial Institution: The term "Non-Reporting Financial Institution" means any Financial Institution that is: / ***Institusi Kewangan Bukan Pelaporan:*** *Istilah "Institusi Kewangan Bukan Pelaporan" bermaksud mana-mana Institusi Kewangan yang merupakan:*

a. a Governmental Entity, International Organisation or Central Bank, other than with respect to a payment that is derived from an obligation held in connection with a commercial financial activity of a type engaged in by a Specified Insurance Company, Custodial Institution, or Depository Institution; / *Entiti Kerajaan, Organisasi Antarabangsa atau Bank Pusat, selain daripada bagi bayaran yang diperoleh daripada kewajipan yang dipegang berhubung dengan jenis aktiviti kewangan komersial yang dilaksanakan oleh Syarikat Insurans Terkhusus, Institusi Penjaga, atau Institusi Depositori;*

b. a Broad Participation Retirement Fund; a Narrow Participation Retirement Fund; a Pension Fund of a Governmental Entity, International Organisation or Central Bank; or a Qualified Credit Card Issuer; / *Kumpulan Wang Persaraan Penyertaan Luas; Dana Persaraan Penyertaan Sempit; Dana Persaraan Entiti Kerajaan, Pertubuhan Antarabangsa atau Bank Pusat; atau Pengeluar Kad Kredit Berkelayakan;*

c. an Exempt Collective Investment Vehicle; / *Skim Pelaburan Bersama Dikecualikan*

d. a Trustee-Documented Trust: a trust where the trustee of the trust is a Reporting Financial Institution and reports all information required to be reported with respect to all Reportable Accounts of the trust; or / *Amanah Didokumenkan Pemegang Amanah: Amanah di mana pemegang amanah bagi amanah tersebut merupakan Institusi Kewangan Pelaporan dan melaporkan semua maklumat yang perlu dilaporkan berhubung dengan semua Akaun Boleh Dilaporkan amanah tersebut; atau*

e. any other defined in a countries domestic law as a Non-Reporting Financial Institution. / *mana-mana badan lain yang ditakrifkan di bawah undang-undang domestik negara sebagai Institusi Kewangan Bukan Pelaporan.*

Participating Jurisdiction: The term "Participating Jurisdiction" means a jurisdiction with which an agreement is in place pursuant to which it will provide the information set out in the OECD CRS. / ***Bidang Kuasa Turut Serta:*** *Istilah "Bidang Kuasa Turut Serta" bermaksud bidang kuasa yang mana perjanjian dilaksanakan dengannya untuk menyediakan maklumat yang ditetapkan dalam CRS OECD.*

Participating Jurisdiction Financial Institution: The term "Participating Jurisdiction Financial Institution" means (i) any Financial Institution that is tax resident in a Participating Jurisdiction, but excludes any branch of that Financial Institution that is located outside of that jurisdiction, and (ii) any branch of a Financial Institution that is not tax resident in a Participating Jurisdiction, if that branch is located in such Participating Jurisdiction. / ***Institusi Kewangan Bidang Kuasa Turut Serta:*** *Istilah "Institusi Kewangan Bidang Kuasa Turut Serta" bermaksud (i) mana-mana Institusi Kewangan yang merupakan pemastautin cukai di Bidang Kuasa Turut-Serta, tetapi tidak termasuk mana-mana cawangan Institusi Kewangan tersebut yang terletak di luar bidang kuasa itu, dan (ii) mana-mana cawangan Institusi Kewangan yang bukan pemastautin cukai dalam Bidang Kuasa Turut Serta, jika cawangan itu terletak dalam Bidang Kuasa Turut Serta itu.*

Passive NFE: The term "Passive NFE" means any: (i) NFE that is not an Active NFE; and (ii) Investment Entity located in a Non-Participating Jurisdiction and managed by another Financial Institution. / ***NFE Pasif:*** *Istilah "NFE Pasif" bermaksud mana-mana: (i) NFE yang bukan NFE Aktif; dan (ii) Entiti Pelaburan yang terletak di Bidang Kuasa Tidak Turut Serta dan diuruskan oleh Institusi Kewangan lain.*

Related Entity: The term "Related Entity" mean an Entity is related to another Entity if either Entity controls the other Entity, or the two Entities are under common control. For this purpose, control includes direct or indirect ownership of more than 50% of the vote and value in an Entity. / ***Entiti Berkaitan:*** *Istilah "Entiti Berkaitan" bermaksud Entiti yang berkaitan dengan Entiti lain jika salah satu Entiti mengawal Entiti lain, atau kedua-dua Entiti berada di bawah kawalan bersama. Untuk tujuan ini, kawalan termasuk pemilikan langsung atau tidak langsung lebih daripada 50 peratus undi atau nilai dalam Entiti.*

Reportable Account: The term "Reportable Account" means an account held by one or more Reportable Persons or by a Passive NFE with one or more Controlling Persons that is a Reportable Person. / ***Akaun Boleh Dilaporkan:*** *Istilah "Akaun Boleh Dilaporkan" bermaksud akaun yang dipegang oleh satu atau lebih Orang Boleh Dilaporkan atau oleh NFE Pasif dengan satu atau lebih Orang yang Mengawal, yang merupakan Orang Boleh Dilaporkan.*

Reportable Jurisdiction: The term "Reportable Jurisdiction" means a jurisdiction with which an obligation to provide financial account information is in place. / ***Bidang Kuasa Boleh Dilaporkan:*** *Istilah "Bidang Kuasa Boleh Dilaporkan" bermaksud bidang kuasa dengan kewajipan untuk memberikan maklumat akaun kewangan telah ditetapkan.*

Reportable Jurisdiction Person: The term "Reportable Jurisdiction Person" mean an Entity that is tax resident in a Reportable Jurisdiction(s) under the tax laws of such jurisdiction(s) - by reference to local laws in the country where the Entity is established, incorporated or managed. An Entity such as a partnership, limited liability partnership or similar legal arrangement that has no residence for tax purposes shall be treated as resident in the jurisdiction in which its place of effective management is situated. As such if an Entity certifies that it has no residence for tax purposes it should complete the form stating the address of its principal office. / ***Orang Bidang Kuasa Boleh Dilaporkan:*** *Istilah "Orang Bidang Kuasa Boleh Dilaporkan" bermaksud Entiti yang merupakan pemastautin cukai di Bidang Kuasa Boleh Dilaporkan di bawah undang-undang cukai bidang kuasa tersebut - dengan merujuk kepada undang-undang tempatan di negara di mana Entiti ditubuhkan, diperbadankan atau diuruskan. Entiti seperti perkongsian, perkongsian liabiliti terhad atau aturan undang-undang serupa yang tidak mempunyai mastautin untuk tujuan cukai hendaklah dianggap sebagai pemastautin di bidang kuasa tempat letaknya pengurusan efektif. Oleh yang demikian, jika Entiti memperakui bahawa ia tidak bermastautin untuk tujuan cukai, ia harus melengkapkan borang yang menyatakan alamat pejabat utamanya.*

Reportable Person: The term "Reportable Person" means a "Reportable Jurisdiction Person," other than: / ***Orang Boleh Dilaporkan:*** *Istilah "Orang Boleh Dilaporkan" bermaksud "Orang Bidang Kuasa Boleh Dilaporkan," selain daripada:*

a. a corporation the stock of which is regularly traded on one or more established securities markets; / *syarikat yang sahamnya diperdagangkan secara tetap di satu atau lebih pasaran sekuriti diiktiraf;*

b. any corporation that is a Related Entity of a corporation described in clause (i); / *mana-mana syarikat yang merupakan Entiti Berkaitan sebuah syarikat yang dinyatakan dalam fasal (i);*

c. a Governmental Entity; / *Entiti Kerajaan*

d. an International Organisation; / *Organisasi Antarabangsa;*

e. a Central Bank; or / *Bank Pusat; atau*

f. a Financial Institution (except for an Investment Entity that is a Passive NFE. See definition of "Passive NFE", above.) / *Institusi Kewangan (kecuali untuk Entiti Pelaburan yang merupakan NFE Pasif. Lihat definisi "NFE Pasif", di atas)*

Specified Insurance Company: The term "Specified Insurance Company" means any Entity that is an insurance company (or the holding company of an insurance company) that issues, or is obligated to make payments with respect to, a Cash Value Insurance Contract or an Annuity Contract. / ***Syarikat Insurans Terkhusus:*** *Istilah "Syarikat Insurans Terkhusus" bermaksud mana-mana Entiti yang merupakan syarikat insurans (atau syarikat induk bagi syarikat insurans) yang mengeluarkan, atau diwajibkan untuk membuat pembayaran berhubung dengan Kontrak Insurans Nilai Tunai atau Kontrak Anuiti.*

This document is intended solely for the use of [Sun Life Malaysia Assurance Berhad] and [Sun Life Malaysia Takaful Berhad] and its clients to whom this document is provided and not for any other person. It is a summary for our information purposes only and general in nature. It should not be considered as tax or legal advice. We make no guarantee of its accuracy and completeness and are not responsible for any errors, nor shall we be liable for any loss that results from reliance upon this information. Customers should seek professional legal and tax advice specific to their own situation. / *Dokumen ini semata-mata bertujuan untuk digunakan oleh [Sun Life Malaysia Assurance Berhad] dan [Sun Life Malaysia Takaful Berhad] dan pelanggannya yang diberikan dokumen ini dan bukan untuk mana-mana orang lain. Ia merupakan ringkasan untuk tujuan maklumat kami sahaja dan bersifat umum. Ia tidak boleh dianggap sebagai nasihat cukai atau undang-undang. Kami tidak menjamin ketepatan dan kesempurnaannya dan tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, dan kami juga tidak bertanggungjawab atas sebarang kerugian timbul akibat kebergantungan pada maklumat ini. Pelanggan harus mendapatkan nasihat undang-undang dan cukai profesional yang khusus untuk situasi mereka sendiri.*